KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 14 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PROGRAM 'WANITA BANGKIT' DIPERLUAS KEPADA BANDUAN UNTUK JANA PENDAPATAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/program-wanita-bangkit-diperluas-kepada-banduan-untuk-jana-pendapatan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987357/program-wanita-bangkit-bantu-banduan-teruskan-hidup | HMETRO.COM.MY |
| | https://tvpertiwi.com.my/2023/07/13/kpwkm-jabatan-penjara-bantu-banduan-jana-pendapatan/ | TVPERTIWI.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/nancy-kajang-women-s-prison-first-to-implement-wanita-bangkit-bersasar-programme-OA11226585 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/13/nancy-moots-scheme-to-help-women-prisoners-resettle-after-release/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2206174 | BERNAMA.COM |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/216202/nancy-moots-scheme-to-help-women-prisoners-resettle-after-release/?utm_source=Newswav&utm_medium=Website | DAILYEXPRESS.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=mn_MxHFF6fk | YOUTUBE |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2206124 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/penjara-wanita-kajang-laksana-projek-rintis-program-wanita-bangkit-bersasar-MA11225867 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KANAK-KANAK CEDERA DIDERA IBU TIRI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987426/kanak-kanak-cedera-didera-ibu-tiri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/murid-tahun-tiga-cedera-dipukul-ibu-tiri/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/budak-perempuan-cedera-disyaki-didera-ibu-tiri/ | KOSMO.COM.MY |

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **WANITA WAKILI 306 PERATUS LEMBAGA PENGARAH 100 SYARIKAT AWAM** | |
| | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1126083/wanita-wakili-306-peratus-lembaga-pengarah-100-syarikat-awam | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/987361/wanita-wakili-306-peratus-dalam-lembaga-pengarah-syarikat-utama | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=oHHhbs9I6ws | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/987361/wanita-wakili-306-peratus-dalam-lembaga-pengarah-syarikat-utama | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MAYAT WANITA LENGKAP BERPAKAIAN DITEMUI TERAPUNG** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/13/mayat-wanita-lengkap-berpakaian-ditemui-terapung/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/mayat-wanita-terapung-d-sungai-medan-pantai-jerejak/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987478/mayat-wanita-terapung-berhampiran-bot-nelayan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268097/berita/semasa/mayat-wanita-terapung-dalam-longkang | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/mayat-wanita-warga-emas-ditemukan-terapung/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **DEMI 'OPPA', WANITA RUGI RM2.5 JUTA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987407/demi-oppa-wanita-rugi-rm25-juta | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=sWDK1k4U-fo | YOUTUBE |

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **REMAN IBU, KEKASIH BUNUH ANAK 3 TAHUN DISAMBUNG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/reman-ibu-kekasih-bunuh-anak-3-tahun-disambung/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PENGASUH PUKUL BAYI HINGGA LEBAM DEDENDA RM1600** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126092/pengasuh-pukul-bayi-hingga-lebam-didenda-rm1600 | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=uFOWfe2hA6g | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **BAYI 12 BULAN DERITA SINDROM KEPALA BESAR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-12-bulan-derita-sindrom-kepala-besar/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **TERHARU MASIH ADA YANG INGAT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987261/terharu-masih-ada-yang-ingat | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **10 TAHUN SENGSARA HARGA GETAH RM1.50 SEKILOGRAM** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/10-tahun-sengsara-harga-getah-rm1-50-sekilogram/ | UTUSAN.COM.MY |

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **GURU TADIKA TIKAM LEHER ANAK OKU SEBELUM BUNUH DIRI** | |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/07/739309/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268059/berita/semasa/wanita-maut-selepas-cuba-tikam-anak-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **NELAYAN SUKAR TURUN LAUT SELEPAS KAKI HANCUR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/nelayan-sukar-turun-laut-selepas-kaki-hancur/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **JAAFAR GIGIH HASILKAN PRODUK KRAF WALAUPUN LUMPUH** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/jaafar-gigih-hasilkan-produk-kraf-walaupun-lumpuh/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **GURU SILAT MENGAKU TAK SALAH AMANG SEKSUAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1126123/guru-silat-mengaku-tak-salah-amang-seksual | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PELAJAR KUDUNG RAIH CGPA 3.42 STPM** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/07/1126109/pelajar-kudung-raih-cgpa-342-stpm | BHARIAN.COM.MY |

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **ALLIANZ GENERAL AGIH LEBIHAN CAF KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/987350/allianz-general-agih-lebihan-caf-kepada-pertubuhan-kebajikan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **BISNES ‘TUBUH’ IBU TUNGGAL DIPENJARA 4 BULAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987312/bisnes-tubuh-ibu-tunggal-dipenjara-4-bulan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **JANGAN POTONG TANGANKU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987452/jangan-potong-tanganku | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **LEBIHAN PERTAMA DARIPADA PERLINDUNGANKU ALLIANZ4ALL ALLIANZ GENERAL MEMANFAATKAN TUJUH PERTUBUHAN KEBAJIKAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/lebihan-pertama-daripada-perlindunganku-allianz4all-allianz-general-memanfaatkan-tujuh-pertubuhan-kebajikan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WANITA TRAUMA LAPAN TAHUN JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DI MEDIA SOSIAL** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/13/wanita-trauma-lapan-tahun-jadi-mangsa-gangguan-seksual-di-media-sosial/ | KOSMO.COM.MY |

14/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **CURI KABEL: TIGA INDIVIDU TERMASUK WANITA DITAHAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/13/curi-kabel-tiga-individu-termasuk-wanita-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **SIMBAH ASID: WANITA WARGA EMAS DITUDUH DI MAHKAMAH ESOK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268117/berita/semasa/simbah-asid-wanita-warga-emas-dituduh-di-mahkamah-esok | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **BEDAH SIASAT SAHKAN WANITA MATI DISEBABKAN KESAN KEBAKARAN PADA TUBUH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bedah-siasat-sahkan-wanita-mati-disebabkan-kesan-kebakaran-pada-tubuh/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **IBU BAYI POSITIF DADAH DIBERI JAMIN POLIS** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268116/berita/semasa/ibu-bayi-positif-dadah-diberi-jamin-polis | SINARHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AKTIVITI PEMERDAGANGAN MANUSIA DI SIK TERBONGKAR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# Aktiviti pemerdagangan manusia di Sik terbongkar

## Lima warga tempatan antara 9 ditahan kes curi nadir bumi Bukit Enggang bulan lalu

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my




*Polis menunjukkan peralatan yang ditemui di tempat perlombongan REE pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontijen Kedah, Jalan Stadium, semalam.* (Foto Syaharim Abidin/BH)

**Alor Setar:** Polis membongkar kegiatan pemerdagangan manusia dan kecurian sumber nadir bumi (REE) di Bukit Enggang, Sik selepas menahan sembilan individu hujung bulan lalu.

Ketua Polis Kedah, Datuk Fisol Salleh, berkata mereka yang ditahan terdiri daripada empat lelaki warga Myanmar dan lima warga tempatan berusia antara 22 tahun hingga 60 tahun.

Beliau berkata, empat suspek tempatan, termasuk seorang wanita itu ditahan pada 21 Jun lalu, manakala seorang lagi ditahan pada 25 Jun lalu dan susulan itu empat lagi lelaki warga Myanmar ditahan serta rampasan pelbagai peralatan disyaki digunakan melombong REE secara manual.

"Turut dirampas, sejumlah empat guni setengah berisi bahan mineral yang diikat dan disyaki REE seberat 99 kilogram (kg).

"Kejayaan tangkapan ini berikutan laporan yang dibuat seorang pengurus sebuah syarikat sendirian berhad yang dilantik untuk mengusahakan ladang hutan Kompartmen 12 Hutan Simpan di Bukit Enggang, Sik yang dibuat pada 31 Mei lalu.

"Laporan itu dibuat berikutan berlaku kecurian ke atas peralatan dan kelengkapan milik syarikat serta perbuatan khianat ke atas tanaman yang diusahakan di kawasan itu," katanya di sini semalam.

### 185 guni REE dirampas

Fisol berkata, hasil siasatan yang dilakukan mendapati, semua peralatan didakwa dicuri atau hilang itu sebenarnya dibuat sitaan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dalam beberapa siri operasi dan serbuan, termasuk operasi pemusnahan kawasan atas kesalahan menceroboh hutan simpan tanpa permit serta perlombongan REE secara haram pada Februari lalu.

"Susulan daripada itu juga, pihaknya turut merampas sebuah lori dengan muatan 185 guni disyaki mengandungi nadir bumi yang dipercayai dibawa keluar dari kawasan hutan simpan terbabit pada 26 September tahun lalu.

Fisol berkata, polis sedang mengesan seorang lagi lelaki warga tempatan berusia 46 tahun yang dikehendaki bagi membantu siasatan yang dijalankan.

Beliau berkata, lelaki terbabit membuat laporan yang mendakwa kehilangan barang REE, namun sebenarnya barangan itu disita jabatan terbabit dalam operasi pada Februari lalu.

"Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan supaya tampil menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Che Intan Subri di talian 013-9329614," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUTA TAK HALANG CEMERLANG STPM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*Fadhlina meraikan pelajar cemerlang pada Majlis Anugerah Pelajar Terbaik STPM 2022 di Majlis Peperiksaan Malaysia, Selayang, semalam.* (Foto Aswadi Alias/BH)

# Buta tak halang cemerlang STPM

## Muhammad Amir Faris tak mengalah hadapi pelbagai cabaran

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Selayang:** Kesukaran menjalani hidup sebagai individu cacat penglihatan bukan penghalang bagi Muhammad Amir Faris Mohd Firdaus meraih keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2022.

Muhammad Amir Faris, 19, dari St John's Institution Kuala Lumpur di sini, dinobatkan sebagai pelajar terbaik STPM 2022 kategori buta selepas meraih Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.92 dengan empat A.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata, beliau didiagnosis buta sepenuhnya sejak usianya enam tahun, selepas mengalami ketumbuhan pada hidung.

Sepanjang sesi pembelajaran, katanya, dia enggan mengalah biarpun berdepan pelbagai cabaran, termasuk kesukaran bergerak serta mengakses maklumat.

"Jadi orang buta ini memang tidak mudah. Pertama kesukaran akses maklumat terutama yang bergambar ada sesetengahnya saya terpaksa minta bantuan orang celik seperti rakan dan guru untuk menceritakan semula maklumat bergambar itu kepada saya.

"Setiap hari juga saya dipimpin rakan lain dari asrama untuk bergerak menaiki bas ke sekolah.

"Saya memberanikan diri melangkah ke depan dan mencuba apa sahaja yang ada di sekeliling atau teroka kehidupan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Anugerah Pelajar Terbaik STPM 2022 di Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di sini, semalam.

Selain Muhammad Amir Faris, 16 lagi pelajar terbaik STPM 2022 turut diraikan pada majlis yang disempurnakan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan (KPM), Datuk Nik Nasarudin Mohd Zawawi serta Pengerusi MPM merangkap Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman.

### Manfaat cuti hujung minggu

Sementara itu, Nur Atikah Zailan, 21, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Klias, Beaufort di Sabah yang meraih PNGK 4.00 dengan lima A pula menghadiahkan kejayaan berkenaan kepada bapanya yang juga Pembantu Am di Lembaga Industri Getah Sabah serta arwah ibunya.

Katanya, tiada rahsia khusus bagi kejayaan, namun beliau menggunakan cuti hujung minggu bagi mengulang kaji semua mata pelajaran, bermula selepas solat Isyak hingga jam 1 pagi, setiap hari.

"Bapa dan arwah ibu menjadi inspirasi untuk saya belajar bersungguh-sungguh. Kami bukan orang senang. Jadi, ilmu sahajalah harapan untuk mengubah hidup kami.

"Kesusahan hidup kami boleh saya gambarkan apabila kami hanya diberikan wang belanja RM3 sehari ke sekolah, selain bangun seawal jam 4 pagi untuk memasak bekalan saya dan adik untuk dibawa ke sekolah," katanya.

**38 calon**

STPM 2022 dapat 5A

**1,158 calon**

STPM 2022 dapat 4A



*Pelajar cemerlang STPM 2022 SMK Sultan Sulaiman, Terengganu.* (Foto Ghazali Kori/BH)




*Pelajar SMK (L) Methodist menunjukkan keputusan STPM mereka di Georgetown, semalam.* (Foto BERNAMA)




*Pelajar OKU, Nurulain Natasya Marzuki diraikan ibunya, Rorida Deraman di SMK Pengkalan Chepa.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

## STPM 2022 catat PNGK nasional tertinggi

**Selayang:** Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Nasional Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2022 meningkat 0.03 mata kepada 2.82, berbanding 2.79 tahun lalu, PNGK nasional tertinggi sejak STPM dilaksana.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata seramai 1,184 atau 2.84 peratus calon mendapat PGNK 4.00 dengan jumlah itu mencatatkan peningkatan sebanyak 310 pelajar, manakala 85.22 peratus daripadanya terdiri daripada golongan B40.

Selain itu, katanya, peratusan longgokan calon STPM 2022 pada PGNK 3.75 dan ke atas ialah 9.59 peratus, diikuti PGNK 3.00 ke atas dan lebih (42.96 peratus); PGNK 2.75 dan ke atas (56.97 peratus) serta PGNK 2.00 ke atas (89.75 peratus).

PNGK calon dihitung berdasarkan purata nilai gred empat subjek terbaik, termasuk Pengajian Am.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HAKIM MENANGIS DENGAR FAKTA KES BAPA ROGOL ANAK | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Hakim menangis dengar fakta kes bapa rogol anak




*Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam.*
(Foto Alias Abd Rani/BH)

## Lelaki mengaku salah dihukum penjara 72 tahun, 30 sebatan

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

**Muar:** Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat, menitiskan air mata apabila fakta kes seorang bapa yang dituduh merogol anak kandung dibacakan di hadapannya semalam.

Tertuduh yang berusia 46 tahun didakwa dengan tiga tuduhan merogol anak kandungnya itu pada Jun lalu dan awal bulan ini.

Dia mengaku bersalah dan dihukum penjara 72 tahun serta 30 sebatan tetapi hukuman penjara diarah berjalan serentak.

"Sebagai ayah, kamu sepatutnya menjadi wira dalam keluarga melindungi anak. Saya sedih mengapa perkara ini boleh berlaku," kata Abu Bakar.

Abu Bakar dilihat menitiskan air mata apabila fakta kes bagi tiga tuduhan dibaca.

Mengikut fakta kes, tertuduh didakwa merogol anak kandungnya berusia 14 tahun dengan kejadian pertama berlaku pada 22 Jun, pada jam 1.30 pagi.

Dia sekali lagi mengulangi perkara sama pada 26 Jun, pada jam 2 pagi dengan kejadian terakhir dilaporkan berlaku pada 3 Julai lalu, jam 4.30 pagi.

Semua ketiga-tiga kejadian berlaku di tempat sama iaitu sebuah rumah di Batu Pahat.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan sebatan sehingga 10 kali bagi setiap pertuduhan.

### Hukuman penjara serentak

Selepas mengambil kira pengakuan tertuduh, Abu Bakar kemudian menjatuhkan hukuman penjara 24 tahun dan 10 sebatan masing-masing untuk pertuduhan pertama, kedua dan ketiga.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara serentak tetapi bagi hukuman sebatan, perlu dijalankan secara berasingan.

Bagaimanapun, Seksyen 288 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan 24 sebatan ialah jumlah maksimum dibenarkan mengikut kanun berkenaan.

Tertuduh juga diarahkan menjalani hukuman itu bermula dari tarikh ditahan 8 Julai lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman maksimum dengan mengambil kira perkembangan terkini kes rogol membabitkan bapa kandung selain mencerminkan kepentingan awam melebihi tertuduh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGASUH TASKA DIDENDA RM1,600 KES PUKUL BAYI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengasuh taska didenda RM1,600 kes pukul bayi

**Muar:** Pengasuh sebuah taska didenda RM1,600 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini semalam atas pertuduhan memukul seorang bayi hingga lebam, awal bulan ini.

Ong Bee Kian, 54, yang memakai baju lokap jingga membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Majistret Analia Kamaruddin.

Mengikut fakta kes, tertuduh bertugas di sebuah pusat jagaan kanak-kanak didakwa memukul bayi berusia 18 bulan 18 hari menggunakan tangan kerana kerap menangis.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah jagaan kanak-kanak di Jalan Mohammadiah, di sini, pada jam 1 petang, 4 Julai lalu.

Kejadian itu disedari ibu mangsa apabila mendapati anaknya yang baru dua hari dihantar ke pusat jagaan itu lebam di pipi, paha dan kedua-dua kaki.

Berikutan itu, ibu bapa bayi terbabit membuat laporan polis sebelum tertuduh ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara setahun, denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



*Bee Kian dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Muar selepas mengaku bersalah memukul seorang bayi hingga lebam.* (Foto Alias Abd Rani/BH)

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Putera Amirool Faez Suhasi, manakala tertuduh diwakili Lim Sey Wee.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah agar menjatuhkan hukuman setimpal dengan mengambil kira trend kes penderaan kanak-kanak di pusat jagaan yang berlaku sejak akhir-akhir ini.

Bagaimanapun, peguam tertuduh meminta diringankan hukuman kerana tertuduh perlu menanggung seorang anak yang akan melanjutkan pengajian ke sebuah kolej.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENJARA WANITA KAJANG LAKSANA PROJEK RINTIS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Program Wanita Bangkit Bersasar

# Penjara Wanita Kajang laksana projek rintis

**Kajang:** Penjara Wanita Kajang menjadi penjara pertama di negara ini melaksanakan Program Wanita Bangkit Bersasar yang bertujuan membantu bekas banduan wanita menjalani kehidupan lebih baik, selepas keluar dari penjara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, berkata projek rintis itu kesinambungan kepada Program MyKasih Kapital yang diperkenal semasa tempoh pandemik COVID-19, dengan menyasarkan wanita yang berbakat dalam menjalankan perniagaan tetapi tidak boleh keluar rumah disebabkan kekangan tertentu seperti menjaga anak.

"Jadi, apa yang kita buat ialah melalui Yayasan Kebajikan Negara, kita bagi bantuan modal RM500 dan peralatan untuk mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan sejak Disember lepas seramai 5,000 wanita dibantu.

"Cuma untuk Program Wanita Bangkit Bersasar dengan kerjasama Jabatan Penjara ini, kita akan mencari mekanisme pelaksanaan yang lebih bersesuaian kerana akan membabitkan banduan wanita yang masih dalam tempoh Pelepasan Banduan Secara Lesen," katanya selepas melawat Penjara Wanita Kajang semalam.

Nancy berkata pada ketika ini, terdapat lebih 3,800 banduan wanita di seluruh negara dan daripada jumlah itu kira-kira 1,000 orang warganegara, manakala selebihnya warga asing.

"Daripada kira-kira 1,000 banduan warganegara itu, mereka yang akan dibebaskan dalam satu-satu masa ialah lebih kurang 10 peratus (100 hingga 200 orang). Oleh itu, kita berharap (program) ini akan memberikan mereka harapan baharu untuk meneruskan kehidupan," katanya.

BERNAMA



*Nancy beramah mesra dengan banduan ketika melakukan lawatan kerja di Penjara Kajang, semalam.* (Foto BERNAMA)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIPERDAYA SINDIKET 'LOVE SCAM' RUGI RM2.5 JUTA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita diperdaya sindiket 'Love Scam' rugi RM2.5 juta

**Kota Kinabalu:** Seorang wanita kerugian RM2.5 juta selepas diperdaya sindiket 'Love Scam' melalui perkenalan dengan lelaki Korea Selatan di Instagram, pada 2 Julai lalu.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jauteh Dikun, berkata mangsa berusia 46 tahun adalah wanita warga tempatan yang bekerja sebagai penolong pengurus di sebuah syarikat swasta.

"Hasil siasatan mendapati mangsa mengenali individu yang mendakwa lelaki muda dari Korea Selatan sebelum hubungan antara mereka jadi lebih intim.

"Dua minggu selepas perkenalan, wanita itu meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada lelaki berkenaan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Penampang, di sini, semalam.

Jauteh berkata, suspek kemudian memberitahu bahawa syarikatnya dalam bidang minyak dan gas mempunyai masalah sebelum meminta pengadu memindahkan wang bagi urusan pembelian barang syarikatnya.

Katanya, suspek mendakwa wang mangsa akan dikembalikan sebaik masalah itu diselesaikan.

"Disebabkan percaya kepada suspek, mangsa bersetuju dan membuat pembayaran secara berperingkat sebanyak 41 kali dalam tempoh dua minggu. Sepanjang tempoh itu, mangsa sudah memindahkan RM2.5 juta ke dalam 24 akaun berbeza," katanya.

Beliau berkata, mangsa hanya sedar tertipu apabila wangnya tidak dikembalikan dan diminta membuat bayaran tambahan sebelum membuat laporan polis pada 12 Julai lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'IBU SEDANG PEGANG PISAU' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 01&04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Oleh Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

TRAGEDI IBU DAN ANAK

# 'Wanita alami kemurungan'



RUMAH lokasi kejadian seorang wanita dipercayai membunuh diri selepas cuba membunuh anaknya di Taman Kota Laksamana, Melaka. - Gambar NSTP/NURSALIAWATI SABRI

**Melaka**

Seorang wanita ditemukan mati dengan beberapa kesan tikaman di perut selepas cuba membunuh anak lelakinya yang juga orang kurang upaya (OKU) di Taman Kota Laksamana di sini, kelmarin.

Menurut saudara mangsa, dia mengetahui kejadian kira-kira jam 3.30 petang itu selepas dihubungi ibunya yang meminta dia untuk ke rumah kakaknya disebabkan wanita itu sudah tidak sedarkan diri kerana menikam diri sendiri selepas cuba menikam leher anak keduanya yang OKU mental berusia 26 tahun.

"Sebaik tiba saya lihat anak saudara berlumuran darah dan terdapat kesan kecederaan pada lehernya selain dia memaklumkan ibunya sedang memegang pisau berada di atas rumah.

"Sebaik masuk ke ruang tamu, saya lihat kakak tertiarap di lantai ruang tamu dalam keadaan berlumuran darah selain terdapat juga kesan darah di dinding," katanya ditemui di lokasi kejadian.

Menurut wanita itu, anak saudaranya turut memberitahu sebelum kejadian ibunya yang berusia 56 tahun itu menyuruhnya memakan paracetamol dan tidur.

"Namun tidak lama selepas itu, ibunya tiba-tiba menikam lehernya menggunakan pisau namun dia sempat menyelamatkan diri dengan mengunci diri di dalam bilik.

"Saya difahamkan juga terdapat tiga kesan tikaman pada bahagian perut kakak selain anak saudara yang cedera kemudian dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut," katanya yang mendakwa wanita itu turut mengalami kemurungan kebelakangan ini.

> **Sebelum kejadian ibu mangsa menyuruhnya memakan paracetamol**

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan kes diklafikasikan sebagai mati mengejut (SDR) namun siasatan lanjut masih dijalankan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'KAMU SEPATUTNYA LINDUNGI KELUARGA' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH dihukum penjara 72 tahun serta 30 sebatan selepas mengaku bersalah rogol anak kandungnya.

# 'Kamu sepatutnya lindungi keluarga'

## *Hakim menangis ketika baca fakta kes sebelum jatuh hukuman penjara 72 tahun terhadap tukang urut rogol anak kandung*

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Sebagai ayah, kamu sepatutnya menjadi wira dalam keluarga melindungi anak. Saya sedih mengapa perkara ini boleh berlaku," luah Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat, sebelum menjatuhkan hukuman penjara 72 tahun serta 30 sebatan terhadap seorang tukang urut yang mengaku bersalah merogol anak kandungnya.

Tertuduh berusia 46 tahun itu membuat pengakuan bersalah sebaik ketiga-tiga pertuduhan dibaca.

Abu Bakar dilihat menitiskan air mata ketika jurubahasa membacakan fakta kes tertuduh di mahkamah di sini, semalam.

Mengikut fakta kes, tertuduh didakwa merogol anak kandungnya berusia 14 tahun dengan kejadian pertama berlaku pada 22 Jun lalu.

Dia sekali lagi mengulangi perkara sama pada 26 Jun dan kejadian terakhir dilaporkan berlaku pada 3 Julai lalu.

Ketiga-tiga kejadian berlaku di tempat sama iaitu sebuah rumah di Sri Medan, Batu Pahat.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan sebatan sehingga 10 kali bagi setiap pertuduhan.

Selepas mengambil kira pengakuan tertuduh, Abu Bakar kemudian menjatuhkan hukuman penjara 24 tahun dan 10 sebatan masing-masing untuk pertuduhan pertama, kedua dan ketiga.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara serentak tetapi bagi hukuman sebatan, perlu dijalankan secara berasingan.

**Tertuduh membuat pengakuan bersalah sebaik ketiga-tiga pertuduhan dibaca**

Bagaimanapun, Seksyen 288 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan 24 sebatan adalah jumlah maksimum dibenarkan mengikut kanun berkenaan.

Tertuduh juga diarahkan menjalani hukuman itu bermula dari tarikh ditahan 8 Julai lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman maksimum dengan mengambil kira perkembangan terkini kes rogol melibatkan bapa kandung selain mencerminkan kepentingan awam melebihi tertuduh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI 'MERACAU POSITIF DADAH' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi 'meracau' positif dadah

## *Pegawai perubatan hospital terkejut budak perempuan dihantar untuk rawatan 'lalok'*

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

**Taiping**

Seorang ibu muda berusia 21 tahun diberkas polis selepas anak perempuan berusia setahun 10 bulan didapati 'meracau' akibat positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid berkata, kes itu terbongkar selepas polis menerima satu laporan daripada Hospital Taiping, kelmarin.

Beliau berkata, pegawai perubatan hospital itu memaklumkan kanak-kanak positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

"Terdahulu kita difahamkan kanak-kanak itu dihantar ke rumah neneknya sementara ibunya keluar membeli barangan runcit di kedai berhampiran.

"Ketika hendak tidur, kanak-kanak itu menangis dan menunjukkan tingkah laku tak terkawal dan suspek membawa mangsa mendapatkan rawatan di Hospital Taiping," katanya.

Razlam berkata, polis menahan ibu kanak-kanak berkenaan yang juga seorang suri rumah dan ujian air kencing yang dijalankan ke atasnya mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine.

Menurutnya, polis masih menjalankan siasatan menyeluruh dan akan menahan nenek dan ibu saudara kanak-kanak terbabit.

"Bagaimanapun ibu kanak-kanak berkenaan dilepaskan dengan jaminan berikutan kanak-kanak itu sentiasa menangis mahukan ibunya.

"Ibu kanak-kanak itu dilepaskan dengan jaminan polis dan berada di bawah kawalan Hospital Taiping. Polis masih menjalankan siasatan bagaimana dadah itu berada di dalam badan kanak-kanak itu," katanya.

> "Ujian air kencing dijalankan ke atas ibu mangsa mendapati dia positif dadah
> Razlam

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Difahamkan, kanak-kanak itu dilaporkan dalam keadaan stabil dan masih dirawat di hospital.

Ini adalah kes kedua dilaporkan berlaku selepas seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun dikejarkan ke Klinik Kesihatan Lawin di Gerik selepas termakan biskut coklat berperisa ganja buatan bapanya.

Dalam kejadian Mei lalu, mangsa mengalami sesak nafas, pening kepala dan loya sebelum dikejarkan ke Hospital Taiping.

Suspek berusia 38 tahun yang bekerja sebagai penoreh getah ditahan bersama biskut ganja berkenaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LANJUT REMAN PASANGAN KEKASIH BUNUH BUDAK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lanjut reman pasangan kekasih bunuh budak

**Melaka:** Reman pasangan kekasih bersabit kes bunuh anak kandung dilanjutkan tujuh hari lagi bermula semalam.

Perintah itu dikeluarkan Majistret Nabilah Nizam terhadap wanita berusia 24 tahun yang juga ibu kandung mangsa dan teman lelakinya berusia 25 tahun selepas dipohon polis bagi melengkapkan siasatan kes itu.

Nabilah membenarkan reman terhadap kedua-dua tertuduh yang berakhir hari ini dilanjutkan sehingga 19 Julai depan.

Terdahulu kedua-dua suspek, masing-masing bekerja sebagai jurujual penapis air dan pekerja sendiri diiringi anggota polis Kompleks Mahkamah Air Keroh dengan memakai baju lokap warna jingga.

Harian Metro sebelum ini melaporkan kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut selepas dihantar berubat di rumah teman lelaki ibunva di Cheng di sini, selepas dikatakan kerap mengalami muntah-muntah.

Difahamkan ibu mangsa menghantar anaknya ke rumah teman lelakinya itu pada 6 Julai lalu, kira-kira jam 5.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner, Christopher Patit dilapor berkata, bagaimanapun 40 minit kemudian, teman lelakinya menghubungi wanita itu memaklumkan anaknya terjatuh dan tidak sedarkan diri sebelum kedua-dua mereka membawanya ke Hospital Melaka (HM).

Katanya, kanak-kanak itu dirawat di Zon Merah dan diberikan bantuan pernafasan lebih sejam, namun gagal diselamatkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LAWATAN PENJARA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Lawat penjara

**MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri meninjau aktiviti menjahit yang dilakukan oleh para banduan ketika melakukan lawatan kerja di Penjara Kajang, semalam.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPEK MASIH BERTUGAS MACAM BIASA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

TULAR MURID DIGIGIT GURU

# Suspek masih bertugas macam biasa

**Kota Bharu:** Guru yang didakwa menggigit muridnya masih lagi menjalankan tugas seperti biasa.

Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan Mohd Hassany Hashim berkata, pihaknya menyerahkan perkara berkenaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak berkaitan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, JPN memberi kerjasama sepenuhnya kepada KPM berhubung isu itu dan pada masa sama turut memberi laporan berkaitan mengikut prosedur yang ditetapkan sejurus menerima maklumat mengenai kejadian berkenaan sehingga ia tular di media sosial.

"Baru-baru ini pihak sekolah, wakil Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan wakil JPN juga sudah mengadakan pertemuan dengan ibu bapa murid berkenaan.

"Kini, pihak JPN masih menunggu arahan daripada KPM kerana tidak mahu menjejaskan siasatan dan pada masa sama sudah menghantar laporan kepada kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Pengumuman Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Tahun 2022 di Bilik Gerakan Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Garong 1 di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, KPM akan menjalankan siasatan berhubung seorang murid yang didakwa tidak mahu ke sekolah kerana emosinya terganggu selepas digigit gurunya.

Sebelum ini, tular di media sosial seorang wanita memuat naik hantaran mengenai insiden yang menimpa anak lelakinya termasuk dua video masing-masing berdurasi satu minit 51 saat dan tiga minit 35 saat.

Video pertama didakwa memaparkan kenyataan seorang murid perempuan tahun lima daripada sekolah yang sama manakala yang kedua adalah video pengakuan anaknya sendiri yang dipanggil 'abang cik' berusia enam tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DAD GOES ALL OUT TO ATTEND RESULT ANNOUNCEMENT | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

STPM

# DAD GOES ALL OUT TO ATTEND RESULT ANNOUNCEMENT

Man borrows RM120 from villagers, endures journey to receive news of daughter's 4.00 CGPA



*Jaliusih Madakol and wife Malian Bangkulat looking on proudly as their daughter, Arnie, holds up her certificate of excellence at Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu in Sabah, yesterday.* PIC BY OLIVIA MIWIL

OLIVIA MIWIL
KOTA KINABALU
olivia@nst.com.my

RUBBER tapper Jaliusih Madakol had to borrow money to attend his daughter's Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) result announcement here.

But it was worth every cent, as his daughter, Arnie, 20, scored a perfect 4.0 cumulative grade point average (CGPA) in the examination.

Arnie, the third of five siblings, is the sole student from SMK Tun Fuad Stephens who scored 4.0 in her STPM examination.

Arnie was among 75 students who were honoured by Sabah Education Department (PPD Sector Planning and Management) deputy director Mohd Zaini Yanin at Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu.

Jaliusih said he looked for all ways and means to ensure Arnie, himself, and his wife were present to celebrate this achievement.

"I only have a motorcycle and a Proton Saga that always breaks down. My car is from the era when Tun Dr Mahathir Mohamad was prime minister in the 1990s.

"The farthest it can go is to Tamparuli town — 30 minutes from our home," he said, adding that they had to hire a taxi from the town to the venue, which is another 30 minutes away. The return taxi fare costs RM120.

Jaliusih — from Sinansag in Kiulu, Tamparuli — earns between RM200 and RM300 a month.

"I had no choice but to borrow money for the trip. It was a joyous occasion.

"But when Arnie furthers her studies, as she aspires to become a teacher, our family will need financial support from other relatives," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NINE HELD OVER HUMAN TRAFFICKING, ILLEGAL MINING | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



*Kedah police chief Datuk Fisol Salleh pointing to a photo of a person, who is being sought to assist in the investigations.*

CHARGED

# Nine held over human trafficking, illegal mining

**ALOR STAR:** Kedah police have rounded up nine suspects, including four Myanmar nationals, in connection with human trafficking and illegal mining of rare earth minerals in Bukit Enggang Forest Reserve.

Kedah police chief Datuk Fisol Salleh said three men and a woman were detained in a special operation on June 21.

He said the four were responsible for smuggling in foreign nationals to work in illegal mining.

"On June 25, we tracked and detained a local man and four Myanmar nationals in a raid in Baling.

"The raiding team had seized four and a half sacks of suspected rare earth minerals weighing about 99kg, and equipment suspected to have been used in mining rare earth minerals," he told a press conference at the state police headquarters yesterday.

Fisol said police have opened up investigations under section 26A of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrant (Atipsom) Act 2007.

"The suspected rare earth minerals have been sent to the Geoscience laboratory in Ipoh for further analysis," he said.

Fisol added that four suspects detained in the raids were charged at the Baling Sessions Court yesterday under section 12, 14, and 26B(a) of Atipsom and Section 55E of the Immigration Act.

He added that three other suspects were released on court bail under Section 118 of the Criminal Procedure Code as witnesses for the prosecution.

All accused charged under section 26B(a) of Atipsom are liable to be punished with a lifetime jail term and whipping upon conviction.

Fisol added that the Sessions Court had denied bail to all four accused and fixed Aug 26 for mention.

Fisol said police are looking for a man, Wong Kah Wong, 46, to assist in the investigations.

Those with information on Wong can contact investigating officer Assistant Commissioner Che Intan Subri at 013-9329614.

On April 13, 40 people, including five Malaysians, were charged at the Baling Sessions Court with trespassing on Bukit Enggang Forest Reserve in Sik district in January.

The foreign labourers comprised 31 Myanmar, two Nepalese and two Chinese nationals.

All the accused were detained in an operation by the state Forestry Department between 9pm on Jan 31, and 3am on Feb 1, 2023.



*Pictures of the items seized at the illegal mining site in Bukit Enggang Forest Reserve.* PIX BY SYAHARIM ABIDIN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN FOUND DEAD WITH STAB WOUNDS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

56-YEAR-OLD

# WOMAN FOUND DEAD WITH STAB WOUNDS

She had earlier allegedly tried to stab her 26-year-old son

NURALIAWATI SABRI
**MELAKA**
news@nst.com.my

A WOMAN was found dead with stab wounds on the stomach at a house in Taman Kota Laksamana here on Wednesday.

Earlier about 3.30pm, the 56-year-old woman allegedly attempted to stab her 26-year-old son, a person with disabilities.

The younger sister of the deceased was informed of the incident by their mother.

"Mum said that my sister was unconscious because she hurt herself after trying to stab her son in the neck.

"Upon arriving, I saw my nephew covered in blood with injury marks on his neck. He told me that his mother was on the upper floor of the house and had a knife in her hand.

"When I entered the living room, I saw my sister sprawled on the floor in a pool of blood. There were also bloodstains on the wall," said the sister at the house on Wednesday night.

The sister also said that her nephew claimed his mother asked him to swallow a pill before the incident and to go to sleep.

However, he said that his mother suddenly acted aggressively and pointed a knife to his neck, but he managed to escape by locking himself in his room.

"My nephew had injuries on his neck and had to be taken to hospital," said the sister.

When contacted, Melaka Tengah district police chief Assistant Commissioner Christopher Patit confirmed the incident took place and that the case was classified as sudden death.

"Further investigations are being carried out," he said.

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | BOY PLACED ON GOOD BEHAVIOUR BOND FOR THEFT OF ICE CREAM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Boy placed on good behaviour bond for theft of ice cream

**KUCHING:** A magistrates' court here yesterday ordered a boy, 10, placed on a two-year good behaviour bond after he pleaded guilty to stealing ice cream from a car wash shop.

Magistrate Syarifah Fatimah Azura Wan Ali made the order after reviewing the boy's probation report presented by the Welfare Department yesterday.

The court also ordered the parents or guardian of the boy to execute a bond for good behaviour with RM50 deposited in court, apart from attending interactive programme with the Welfare Department within the bond period.

The boy was charged under Section 380 of the Penal Code which provides for a jail term which may extend to 10 years and also liable to a fine, upon conviction.

He committed the offence at a car wash shop in Jalan Sungai Maong Tengah here, at 9.25pm on May 21.

Based on the facts of the case, the complainant discovered his ice cream missing from a fridge placed in front of the premises at around 9.30am on May 22.

Footage from a security camera at the premises showed the boy climbing over the shop's fence and taking several types of ice cream from the fridge.

He was arrested around 12.30pm the same day after a police report was lodged over the incident.

ASP Hisyam Junaidi prosecuted, while the child was unrepresented by legal counsel.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOPE PLACE COMES TO AID OF FAMILY LEFT HOMELESS IN FIRE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hope Place comes to aid of family left homeless in fire

**KUCHING:** Hope Place Kuching has presented aid to a family who lost everything when a fire destroyed their house in Kampung Mambong here earlier this week.

The non-governmental organisation in a statement said its representatives visited the family at their razed home to hand over a contribution of food and daily necessities.

"We were alerted to the family's situation by a concerned member of the public, who informed that the family of six had lost their home and motorcycle.

"The head of the family, Lezson Sidem, said the fire broke out at 5am on Tuesday when they were still asleep, and they barely made it out when the fire engulfed the whole house," said Hope Place, adding Lezson's wife sustained first-degree burn on her left hand and second-degree burn on her right hand.

The family is currently residing at a relative's house nearby.

For more information, Hope Place or Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (PKHK) can be reached on 082-505987. Their opening hours are from 8am to 5pm (Monday to Friday) and 8am to noon on Saturdays.

All donations are welcome and receipts will be given upon request. Donations can also be made directly to Hope Place's bank account (MBB: 511289001160) or by scanning the S Pay Global QR code on its Facebook page.



Hope Place founder Kelvin Wan hands over the aid to Lezson's daughter Lucy at the site of the family's razed house.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOUSEWIFE CLAIMS TRIAL TO CAUSING HURT BY SPLASHING HOT COFFEE ON HUBBY | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Sharfiza is escorted by police at the end of the proceeding.

# Housewife claims trial to causing hurt by splashing hot coffee on hubby

**KUCHING:** A housewife claimed trial in the Sessions Court here yesterday to a charge of voluntarily causing hurt by splashing her husband with hot coffee.

Sharfiza Mushar, 41, pleaded not guilty before Judge Musli Ab Hamid, who released her on a bail of RM5,000 with one local surety. The judge also fixed Aug 15, 2023 for case management.

Sharfiza was charged under Section 324 of the Penal Code read together with Section 326A of the same Code, which provides a jail term for up to 10 years or a fine or whipping, or any two of the punishment, upon conviction.

She allegedly committed the offence against her 37-year-old husband at a house in Jalan Dahlia, Taman Matang Indah here at around 10am on May 14 this year.

It is learnt that the victim had sought treatment at a hospital for scalds to his body following the incident. DPP Norshafatihah Nor Azmi appeared for the prosecution, while Sharfiza was unrepresented by legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN IN SABAH LOSES RM2.5MIL TO 'KOREAN BOYFRIEND' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman in Sabah loses RM2.5mil to 'Korean boyfriend'

**By MUGUNTAN VANAR**
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** A woman was cheated of RM2.5mil in a love scam involving a man claiming to be a Korean, whom she had befriended through social media.

The woman gave the suspect the money via 41 bank transfers to 24 bank accounts over two months from May 26, said Sabah Police Commissioner Datuk Jauteh Dikun.

He said the 46-year-old woman, who works as an assistant manager at a private company here, only realised she had been cheated after failing to contact the man.

She lodged a police report on Wednesday.

Comm Jauteh said the victim met the suspect through Instagram and he had introduced himself as "Ji Won from Korea".

"Their relationship became closer and they started communicating more often through WhatsApp," he told a press conference in Penampang near here yesterday.

The suspect told the victim that he was running an oil and gas business in Italy, but his bank account had some problems.

The suspect asked the woman for financial assistance to help purchase goods for the company.

"Believing the suspect, the victim made payments 41 times into 24 different accounts amounting to more than RM2.5mil between May 26 and July 4 on the instructions of the suspect," said Comm Jauteh.

She became suspicious because the suspect continued to ask for more money.

"The victim has since lost contact with the suspect," he said.

The case is being investigated for cheating under Section 420 of the Penal Code.

The public is advised to be vigilant against such scams and to check the police website http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/ or download the CCID mule check application before making transactions.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STAYING PRODUCTIVE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**STAYING PRODUCTIVE ...** Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri observing inmates at work at the Kajang Prison during a working visit yesterday. – ***BERNAMAPIC***

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CURI AISKRIM, BUDAK LELAKI KENA BON BERKELAKUAN BAIK DUA TAHUN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Curi aiskrim, budak lelaki kena bon berkelakuan baik dua tahun

**KUCHING:** Mahkamah Majistret semalam mengenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun ke atas seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun selepas dia mengaku bersalah mencuri pelbagai jenis aiskrim di sebuah kedai cuci kereta di sini sehingga mengakibatkan kerugian RM200.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali memerintahkan ibu bapa atau penjamin kanak-kanak itu untuk menyempurnakan bon dengan jaminan RM50 (didepositkan), selain menghadiri program interaktif bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuching dalam tempoh bon dikenakan.

Keputusan itu dibuat Syarifah selepas mendengar laporan akhlak dikemukakan oleh JKM semalam.

Tertuduh pada 30 Mei lalu mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan tersebut di sebuah kedai cuci kereta di Jalan Sungai Maong Tengah, Jalan Green di sini sekitar jam 9.25 malam pada 21 Mei lalu.

Berdasarkan fakta kes, pengadu pada 22 Mei lalu, sekitar jam 9.30 pagi menyedari peti sejuk aiskrim yang diletakkan di luar kedai terbuka.

Pengadu kemudian membuat semakan terhadap rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan mendapati tertuduh telah memanjat pagar kedai pada malam sebelumnya, serta bertindak mengambil pelbagai jenis aiskrim.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 22 Mei lalu sekitar jam 12.30 tengah hari.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Hisyam Junaidi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEPIMPINAN WANITA DALAM INDUSTRI SIBER BOLEH DIPERTINGKAT MELALUI INTEGRASI EMOSI | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kepimpinan wanita dalam industri siber boleh dipertingkat melalui integrasi emosi

KUALA LUMPUR: Wanita dalam industri siber boleh meningkat dan memupuk kemahiran kepimpinan masing-masing dengan mengintegrasi emosi ke dalam pendekatan yang diambil oleh mereka, kata Pengarah Urusan Alpine Integrated Solution Sdn Bhd, Anita Jacobson.

Anita, yang telah berkecimpung dalam industri siber hampir tiga dekad, berkata sebagai peneraju dalam bidang yang didominasi oleh lelaki, kaum hawa harus menggunakan emosi mereka secara positif.

"Saya rasa cabaran terbesar ialah menguruskan emosi sebagai seorang pemimpin. Saya bersyukur kerana sebagai insan biasa, saya masih mempunyai perasaan dan tidak mengapa jika sesekali beremosi," katanya kepada Bernama selepas majlis makan tengah hari Wanita Siber sempena Pameran dan Persidangan Pertahanan & Keselamatan Siber (CYDES) 2023 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini kelmarin.

Ibu kepada seorang anak lelaki berusia 17 tahun itu berkata antara pencapaian beliau melalui penerapan emosi dalam kepimpinan ialah apabila berjaya mengubah pelatih baharu dalam industri menjadi pekerja mahir yang mampu memikul peranan sebagai pemimpin.

Beliau berkata kejayaan seorang pemimpin boleh diukur melalui pengembangan kerjaya pekerja terlatih sama ada dalam organisasi yang sama untuk jangka panjang atau meneroka organisasi lain menggunakan kemahiran serupa.

Majlis makan tengah hari anjuran Alpine Integrated Solution itu adalah bagi menyokong wanita dalam industri siber dan meningkatkan lagi pencapaian mereka serta generasi akan datang dalam bidang itu.

Dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Alpine Integrated Solution, CYDES 2023 berlangsung dari 10 Julai hingga semalam dengan tema 'Building Cyber Resilience: Safeguarding The Digital Future.' — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LAKIL MASIH RELEVAN MENJAGA KEBAJIKAN UMAT ISLAM LIMBANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**BERBAKAT: Sulaiman (belakang, tujuh kiri), Khairul Amri dan tetamu lain bergambar bersama pemenang-pemenang Pertandingan Azan dan Ayat Lazim di Limbang, semalam.**

# LAKIL masih relevan menjaga kebajikan umat Islam Limbang

**LIMBANG:** Lembaga Amanah Kebajikan Islam Limbang (LAKIL) terus berperanan penting sebagai badan yang menjaga kebajikan umat Islam di Bahagian Limbang ini.

Pegawai Daerah Limbang Sulaiman Engal berkata, fungsi LAKIL sememangnya penting sebagai sebuah entiti yang membantu dan bekerjasama dengan kerajaan dalam isu berkaitan umat Islam di sini.

"Peranan LAKIL juga adalah untuk menguruskan tanah perkuburan Islam, menjaga kepentingan dan kebajikan umat Islam, membantu memperbaiki ekonomi dan pendidikan umat Islam sekali gus memastikan kita hidup mengikut ajaran agama Islam yang sebenar," katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Pertandingan Azan dan Ayat Lazim anjuran bersama LAKIL Limbang, 2023 di Masjid Jannatul Firdaus Bahagian Limbang, semalam.

Turut hadir ialah Pegawai Kemas Bahagian Khairul Amri Abdul Rahman dan Pengerusi Biro Pendidikan Lakil Wahab Abu Bakar.

Sulaiman juga berharap agar LAKIL dapat berusaha untuk memperkenalkan fungsi dan tanggungjawab LAKIL kepada masyarakat melalui pelbagai pengisian program yang diadakan

"Antara lain, usaha tersebut dapat menerapkan pembudayaan sunnah Rasulullah SAW melalui program keilmuan, pendidikan, kesenian kemahiran, ekonomi dan riadah Islamik.

"Ia juga memberikan manfaat kepada masyarakat Islam dan bukan Islam secara tidak langsung dan mewujudkan kerjasama baik di antara pelbagai pihak serta sebagai saluran informasi," jelasnya.

Katanya lagi, pertandingan itu melibatkan 25 Tabika KEMAS yang mempunyai kanak-kanak beragama Islam berumur empat hingga enam tahun meliputi 53 peserta.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MUKAH BERSIAP SEDIA UNTUK ANJUR HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI 2023 | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mukah bersiap sedia untuk anjur Hari Kebangsaan Peringkat Negeri 2023

**MUKAH:** Seramai 1,500 peserta dijangka terlibat dalam acara utama sambutan perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2023 di Dewan Serbaguna Politeknik Mukah pada 31 Ogos ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, program majlis perhimpunan akan bermula pada 11 pagi

"Tetamu kehormat yang dijangka hadir ialah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud," katanya selepas mesyuarat Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2023 di Bilik Mesyuarat Tingkat Tiga Pusat Pentadbiran Baharu, semalam.

Sebelum itu, acara 'Unity Ride and Walk' akan bermula seawal jam 7 pagi di Dataran Pehin Setia Raja dan tetamu kehormat ialah Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Segmen pertama dimulakan dengan program pada malam ambang merdeka iaitu pada 30 Ogos di Dataran Pehin Setia Raja dan Fatimah akan menjadi tetamu kehormatnya.

Segmen terakhir pada 31 Ogos merupakan sesi townhall dan Sepetang Unity Talk di Dewan Sri Balau, UiTM Sarawak Kampus Mukah.

Program bakal bermula pada jam 2 petang dan tetamu kehormat ialah Fatimah bersama Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah.

Seramai 1,000 orang dijangka menyertai program berkenaan yang mewakili pelbagai lapisan umur, pelbagai bangsa, kaum serta agama.

Mukah dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2023 yang bertemakan 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan'.



**PENGANJURAN:** Fatimah (tengah) bersama yang lain ketika menunjukkan poster rasmi sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2023 pada mesyuarat tersebut semalam.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH SIMBAH SUAMI DENGAN KOPI PANAS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 14 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita mengaku tidak bersalah simbah suami dengan kopi panas

**KUCHING:** Seorang wanita mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas tuduhan mencederakan suaminya dengan cara menyimbah kopi panas terhadap mangsa.

Hakim Musli Ab Hamid membenarkan tertuduh, Sharfiza Mushar, 41, untuk dibebaskan dengan jaminan RM5,000 dengan RM2,000 didepositkan berserta seorang penjamin tempatan.

Musli juga menetapkan 15 Ogos ini untuk pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap mangsa lelaki berusia 37 tahun dalam satu kejadian pada 14 Mei lalu, sekitar jam 10 pagi di sebuah rumah di Jalan Dahlia 1, Taman Matang Indah di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau mana-mana daripada dua seksaan tersebut.

Difahamkan, mangsa menerima rawatan di hospital untuk kulitnya yang dikatakan melecur akibat disimbah kopi panas tersebut.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Norshafatihah Nor Azmi sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



**DIDAKWA:** Tertuduh (kanan) diiringi polis semasa berada di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.